

3. Padankan pendapat dengan tokoh yang betul. **TP 2**

**Pendapat**

(a) Perjuangan menentang penjajahan hendaklah ada persatuan dan perpaduan yang kuat, iaitu *National Fronts*.

(b) Nasionalisme merupakan fenomena sejagat yang mengiktiraf hak setiap bangsa di dunia ini untuk menubuhkan negaranya sendiri dan memindahkan kedaulatan kepada rakyat.

(c) Nasionalisme Melayu bukanlah gejala baharu hasil penggabungan Tanah Melayu oleh British, tetapi nasionalisme Melayu telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.

(d) Dalam konteks Melayu sebelum merdeka, nasionalisme digunakan untuk merujuk perjuangan orang Melayu bagi mendapatkan kembali kedudukan unggul dalam negara sendiri.

**Tokoh**



Prof. Datuk Zainal Abidin



Prof. Dr. Khoo Kay Kim



Dr. Burhanuddin al-Helmi



Dr. R. Suntharalingam

A

B

C

D